

20 JAN 1997

Mustapa-Mara

MARA TAJA PELAJAR KURSUS TEKNOLOGI MAKLUMAT

TAIPING, 20 Jan (Bernama) -- Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan menaja penuntut-penuntut kursus Teknologi Maklumat di institusi pengajian tinggi selaras dengan langkah kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata ini akan menggalakkan ramai penuntut mengambil bidang itu yang kelak dapat mengisi keperluan tenaga pakar teknologi maklumat.

Sebelum ini, Mara hanya menaja penuntut bidang kedoktoran, kejuruteraan, perakaunan dan keagamaan di dalam dan luar negara, katanya kepada pemberita selepas menerima 10 pita video bimbingan kerjaya yang dihasilkan oleh Gabungan Persatuan Pelajar Lulusan MRSM (Ansaraa), dsaripada presidennya, Mukhriz Mahathir.

Pita video itu yang mengandungi 20 bidang kerjaya profesional itu ditaja oleh Master Carriage Sdn Bhd. Video itu bertujuan untuk mendedah dan memberi panduan kepada pelajar mengenai peluang selepas tamat pengajian mereka di MRSM.

Selain itu, Mustapa berkata Mara juga akan menambah lebih 10 lagi Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di seluruh negara termasuk di Perak, Kelantan dan Johor dengan setiap dia negeri diperuntukkan dua lagi maktab.

"Ini penting untuk memberikan peluang kepada lebih ramai lagi pelajar Bumiputera mendapat pendidikan di sekolah berasrama penuh," katanya sambil menambah MRSM boleh terus mempertingkatkan lagi kewibawaannya dalam melahirkan pelajar yang berkualiti beserta pegangan agama yang kuat.

Terdahulu, selepas melawat ruang niaga dan pejabat Mara Daerah Larut, Matang dan Selama di sini, beliau berkata kementerian akan memberi tumpuan dalam mempertingkatkan imej ruang niaga Mara yang sebanyak 4,000 di seluruh negara mulai tahun ini.

Selain daripada itu, usaha akan dijalankan untuk mempertingkatkan lagi disiplin usahawan Bumiputera yang menyewa ruang niaga tersebut, katanya dan menambah satu mesyuarat akan diadakan di Kuala Lumpur esok untuk mengenalpasti langkah-langkah yang akan diambil bagi tujuan itu.

Beliau berkata sebagai permulaan, tindakan akan diambil untuk mengubah suai ruang niaga yang begitu uzur terutamanya bangunan-bangunan yang dibina sejak 30 tahun lepas.

Mustapa juga berkata beliau juga telah mengarahkan pegawai-pegawai Mara daerah untuk mengumpul maklumat dan profil mengenai usahawan-usahawan Bumiputera yang telah berjaya di kawasan-kawasan mereka bagi mewujudkan satu pangkalan data di peringkat pusat mengenai pencapaian Mara dalam membantu membangunkan usahawan Bumiputera.

Melalui cara ini, Mara akan dapat mengenal pasti masalah dan kelemahan usaha yang telah dijalankan dan dapat memperkemaskan lagi pendekatan dalam membangunkan golongan tersebut. -- BERNAMA

HK NAK